



Headline: Guru wanita ditipu RM199k
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 9 December 2021

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 9

Guru wanita ditipu RM199K

Melaka: Seorang guru wanita terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM199,111 selepas menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai ejen insurans.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Melaka Superintendan E Sundra Rajan berkata, mangsa berumur 50 tahun itu menerima panggilan telefon pada 10 Oktober lalu daripada suspek yang mendakwa kononnya adalah ejen insurans.

Menurutnya, suspek mengatakan mangsa membuat tuntutan insurans sebanyak empat kali membabitkan RM76,800.

"Mangsa menafikan perkara itu, namun panggilan berkenaan disambungkan

ke 'Balai Polis Pudu. Mangsa kemudian didakwa terabit dalam aktiviti pengubahan wang haram berkait dengan seorang suspek lelaki bernilai RM2.8 juta.

"Panggilan mangsa seterusnya disambungkan kepada 'Inspektor Mastura' yang memberitahu dia boleh membantu mangsa menyelesaikan kes itu, sebelum mangsa menerima satu lagi panggilan daripada 'Puan Yong' dan 'Tuan Chong' yang menyamar pegawai bertugas.

"Suspek memberitahu mangsa akan didakwa di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Sabah.

"Selain memintanya membayar wang jaminan RM568,000," katanya.

Sundra berkata disebabkan mangsa tidak mempu-

nyai wang untuk membayar wang jaminan itu, mangsa membuat pinjaman dengan dua bank berlainan membabitkan jumlah RM380,888.

Katanya, dua hari kemudian mangsa menerima panggilan daripada Puan Yong dan mengarahkan mangsa menukar nombor telefon pada kad bank milik mangsa kepada nombor telefon yang diberikannya.

"Mangsa turut diarah memindahkan wang ke akaun bank lain.

"Tanpa rasa curiga mangsa mengikut semua arahan suspek.

"Mangsa membuat semakan akaun bank miliknya dan mendapati sejumlah wang RM199,111 sudah dikeluarkan," katanya.